

PM gesa AS ambil langkah perlu henti kekejaman Zionist

Anwar desak Biden guna pengaruh akhira krisis kemanusiaan di Palestin

Oleh Hana Naz Harun
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Datuk Seri Anwar Ibrahim menggesa Amerika Syarikat (AS) mengambil apa juga langkah yang perlu untuk menghentikan kekejaman di Palestin, termasuk menggesa negara itu berhenti membekalkan senjata kepada Israel.

Perdana Menteri menegaskan bahawa AS mesti memainkan peranan sewajarnya dengan mempengaruhi mana-mana negara sama ada sekutu ataupun seteru bagi menghentikan kekejaman Zionis ke atas Palestin.

Beliau juga menggesa AS menggunakan pengaruh dan hubungan diplomasi dengan negara itu sebagai antara kaedah untuk mengakhiri krisis kemanusiaan di Palestin.

“Mereka (AS) harus melakukan apa saja yang perlu untuk menghentikan permusuhan, termasuk bukan sahaja (membekalkan) senjata, tetapi juga mereka mempunyai pengaruh, mekanisme dan kemahiran diplomatik.

“Adalah mustahil untuk membayangkan bahawa seorang

lelaki (Perdana Menteri Israel) Benjamin Netanyahu, boleh menentukan hal ehwal dunia.

“Faktanya jelas. Mengetahui bahawa kekejaman sedang dilakukan sama ada mereka sekutu, kawan atau negara yang mempunyai paksi dengan anda... anda tidak boleh membenarkan ini (berlaku).

“Jika tidak, anda tidak mempunyai kedudukan moral atau kedudukan di dunia untuk bercakap tentang hubungan antarabangsa, kemanusiaan malah ketenteraan dan hak asasi manusia,” katanya dalam wawancara *Talk To Al Jazeera* yang disiarkan semalam.

Menyentuh sikap negara Barat, termasuk AS dalam memperjuangkan hak asasi manusia, Perdana Menteri menggelar ia hanya sebagai retorik.

Anwar berkata, apa yang berlaku di Palestin sehingga terus melarat bertukar krisis bukti jelas bertentangan dengan perjuangan mereka selama ini dalam hal berkait hak asasi manusia.

Beliau juga melabelkan sikap dan pendirian negara berkenaan sebagai hipokrit dalam isu membabitkan Palestin.

“Sebab itu kita lihat kadangkala kebanyakan negara di Barat nampaknya agak hipokrit.

“Dalam perjuangan mereka mengenai hak asasi manusia dan demokrasi, pada masa yang sama (mereka) merelakan (pendindasan) jika tidak bertolak ansur dengan kekejaman yang jelas ini terhadap penduduk yang tidak bersalah,” katanya.

Mengimbu kenyataan yang

pernah dibuat ketika Mesyuarat Pemimpin Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) tahun lalu, berhubung saranan kepada AS untuk menggesa gencatan senjata segera.

Gesaan itu dibuat Perdana Menteri di hadapan Presiden Joe Biden ketika mesyuarat itu berlangsung.

Selepas kenyataan itu dibuat, Perdana Menteri mendedahkan beliau tidak pernah menerima sebarang maklum balas.

“Saya bercakap dengan (AS) sebagai rakan, sebagai sekutu penting Malaysia yang berada dalam kedudukan itu selama beberapa dekad.

“Anda tidak nafikan bahawa saya rasa kecewa bukan kerana kepentingan kedudukan peribadi saya atau Malaysia, tetapi kerana anda langsung tidak kisah melihat kekejaman yang berlaku setiap hari terhadap wanita dan kanak-kanak. Ia kejam.

“Lihatlah korban, kemanusiaan, tidak memberi peluang kepada sesiapa, wanita, kanak-kanak dan orang tua untuk terus hidup. Apakah ada istilah lain yang boleh digunakan?” soal Anwar.

Pertahan pertemuan dengan delegasi Hamas

Pada masa sama, Anwar juga mempertahankan pertemuannya dengan delegasi Hamas yang diketuai Ismail Haniyeh dan bekas pengerusi Hamas, Khaled Mashal di Doha, Qatar baru-baru ini.

Katanya, pertemuan itu adalah semata-mata bagi tujuan diplomatik dan politik.

“Saya bukan di sini untuk mempertahankan sebarang tindakan berlebihan oleh sesiapa pun, tetapi mengapa hipokrisi mengutuk serangan pada 7 Oktober oleh Hamas dan berdiam diri terhadap 60 tahun kekejaman terhadap rakyat Palestin?”

“Saya rasa, oleh itu kita perlu menjelaskan bahawa pertemuan ini adalah semata-mata diplomatik dan politik.

“Ia bermanfaat, seperti yang dilakukan oleh Qatar, untuk mendapatkan pembebasan tahanan melalui hubungan dan pertemuan. Anda tidak perlu bersetuju dengan semua tindakan mereka, tetapi saya rasa pendirian berprinsip akan membantu,” katanya.

Beliau diminta untuk menjawab bantahan oleh penyokong pro-Israel terhadap pemimpin yang berurusan dengan Hamas, yang dikategorikan di negara Barat sebagai ‘organisasi penganas’ dan dikritik oleh kumpulan hak asasi antarabangsa atas tindakan dan operasinya terhadap orang awam Israel.

“Seseorang mesti berurusan dengan Hamas, sama ada anda suka atau tidak, ia mewakili sebahagian daripada rakyat Palestin di Gaza dan anda tidak boleh menafikan itu,” katanya.

Apabila ditanya sama ada AS menekannya untuk mengubah dasar atau pendiriannya terhadap Israel, Anwar berkata: “Mungkin secara tidak langsung. Tetapi kerana kita mengekalkan hubungan baik dengan AS dan kita terus melakukannya.”